

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Pulihkan ekonomi, pasaran pekerjaan

Pulihkan ekonomi, pasaran pekerjaan

Inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia lancar usaha atasi pengangguran

Kuala Lumpur: Inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia yang akan dilancarkan hari ini, adalah kesinambungan usaha ke arah merancakkan semula pasaran kerja dan membantu melancarkan pemulihan ekonomi negara.

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata sebelum ini usaha itu dilaksanakan melalui Program Insentif PenjanaKerjaya.

Tahun lalu, katanya, ia berjaya membantu 320,864 pencari kerja mendapatkan pekerjaan menerusi pelbagai program.

"Sebenarnya, jika kita lihat kepada kedua-dua program ini tidak banyak beza. Program Insentif PenjanaKerjaya adalah program insentif pengambilan pekerja dan latihan, dilaksanakan sejak 2020 untuk golongan perantis, mereka yang berusia bawah 40 tahun serta mereka

dalam segmen 40 tahun dan ke atas.

"Inisiatif JaminKerja pula berbentuk kewangan kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja baharu bermula pada 1 Januari 2022 dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas seperti orang kurang upaya (OKU), bekas tentera, bekas banduan, warga emas dan penganggur," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Program Bual Bicara membincangkan topik JaminKerja - Insentif Penggajian Merangsang Pasaran Buruh Negara terbitan BERNAMA TV malam kelmarin.

Mohammed Azman berkata, menerusi inisiatif JaminKerja, majikan yang mengambil pekerja akan menerima insentif 20 peratus daripada gaji bulanan setiap pekerja bagi tempoh enam bulan pertama, dan 30 peratus sekiranya pekerja itu terus digaji bagi tempoh enam bulan seterusnya.

Inisiatif itu, katanya, turut memanfaatkan pekerja dengan Elaun Mobiliti sebanyak RM500 yang akan dibayar sekiranya mereka terpaksa bergerak dari satu negeri atau daerah ke tem-

pat baharu untuk memulakan pekerjaan.

"Langkah ini akan membantu melancarkan usaha pemulihan sosioekonomi, di samping merancakkan lagi pertumbuhan pekerjaan."

"Jika kita lihat matlamat utamanya untuk mengurangkan pengangguran, sekali gus mestikan mereka yang cari pekerjaan dan majikan yang memerlukan pekerjaan dapat dibantu," katanya.

Selasa lalu, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz memaklumkan inisiatif JaminKerja yang membabitkan peruntukan RM4.8 bilion akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, untuk mewujudkan 600,000 peluang pekerjaan.

Di bawah inisiatif itu, beberapa program akan dilaksana iaitu Insentif Penggajian JaminKerja, Malaysia Shortterm Employment Programme (MySTEP) serta Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran, dengan permohonan menyertainya dibuka mulai 17 Januari hingga 30 Jun ini yang boleh dibuat melalui laman web PERKESO.

BERNAMA



Mohammed Azman